

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN

4.0 PENGENALAN

Tujuan bab ini adalah untuk melaporkan dapatan mengikut soalan-soalan kajian ini. Data-data yang diperoleh daripada soal selidik yang ditadbir kepada guru dan temu bual dengan murid dianalisis untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Chengyu?
2. Apakah teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Chengyu?
3. Apakah pandangan guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina?
4. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengajar Chengyu?
5. Sejauh manakah minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu?

4.1 STRATEGI DAN TEKNIK MENGAJAR CHENGYU

Bahagian ini mengkaji tentang strategi dan teknik yang digunakan oleh guru Bahasa Cina Tahun 6 SRJK (C) untuk mengajar Chengyu dalam kelas. Data-data dalam bahagian ini diperoleh daripada Bahagian I dalam soal selidik.

4.1.1 Persediaan pengajaran Chengyu

Selain membantu murid menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, guru bahasa juga mengajar aspek-aspek bahasa yang lain seperti perbendaharaan kata, tatabahasa, fonetik dan sebagainya. Chengyu sebagai

satu aspek bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina, tetap diajar oleh setiap orang guru.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kebanyakan guru (73%) merancang pengajaran Chengyu sebelum menjalankan pengajaran di dalam kelas. Sebagai bandingan, hanya sebahagian kecil guru (27%) tidak merancang pengajaran tetapi mengajar mengikut keadaan (Sila rujuk Jadual 4.6).

Jadual 4.1
Persediaan Pengajaran Chengyu Dalam Kelas

Persediaan pengajaran	Bilangan Guru	%
Pengajaran Chengyu dirancang	22	73
Mengajar mengikut keadaan	8	27
Jumlah	30	100

4.1.2 Kekerapan guru mengajar Chengyu

Bagi 22 orang guru yang merancang pengajaran Chengyu, sebahagian besar (59%) mengajar Chengyu sekali dalam setiap minggu. Ini diikuti dengan 4 orang guru (18%) yang mengadakan pengajaran Chengyu sekali setiap dua hari. Dua orang guru (9%) menyatakan mereka mengajar Chengyu tiap-tiap hari, manakala hanya seorang guru (5%) yang mengajar sekali setiap dua minggu.

Dua orang guru (9%) adalah agak berlainan kerana mereka tidak menentukan masa untuk mengajar Chengyu, walaupun mereka sentiasa merancang sebelum pengajaran (lihat Jadual 4.2).

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa kekerapan guru mengajar Chengyu tidaklah sama. Walau bagaimanapun, boleh dirumuskan bahawa guru-guru biasanya mengajar Chengyu pada setiap minggu, dan kebanyakannya mengajar sekali seminggu.

Jadual 4.2
Kekerapan Guru Mengajar Chengyu Secara Terancang

Kekerapan	Bilangan Guru	%
sekali setiap hari	2	9
sekali setiap dua hari	4	18
sekali setiap minggu	13	59
sekali setiap dua minggu	1	5
tidak ditentukan masa	2	9
Jumlah	22	100

4.1.3 Waktu menjalankan pengajaran Chengyu

Jadual 4.3 menunjukkan waktu guru Bahasa Cina Tahun 6 biasanya menjalankan pengajaran Chengyu yang telah dirancangkan.

Jadual 4.3
Waktu Menjalankan Pengajaran Chengyu Yang Dirancangkan

Waktu	Bilangan Guru	%
Antara pengajaran aspek-aspek bahasa yang lain	4	18
Selepas pengajaran aspek-aspek bahasa yang lain	5	23
Dengan menggunakan satu waktu pelajaran	13	59
Jumlah	22	100

Sebahagian besar guru (59%) menggunakan satu waktu pelajaran khas untuk mengajar Chengyu, manakala yang lain mengajar Chengyu bersama-sama dengan aspek-aspek bahasa yang lain dalam satu pelajaran. Guru-guru ini sama ada mengajar Chengyu antara pengajaran aspek-aspek bahasa yang lain (18%), atau selepas mengajar aspek-aspek bahasa yang lain (23%).

4.1.4 Bilangan Chengyu diajar pada sesuatu masa

Dalam pengajaran Chengyu yang telah dirancangkan, biasanya guru menentukan bilangan Chengyu yang ingin diajar. Data dalam Jadual 4.4 menunjukkan bahawa 15 orang guru (59%) biasanya mengajar lima atau enam rangkap Chengyu pada sesuatu masa pengajaran yang dirancangkan, manakala lima orang guru (23%) mengajar tujuh atau lapan rangkap setiap kali.

Tiga orang guru (13%) mendakwa bahawa mereka mengajar sembilan atau 10 rangkap pada sesuatu masa. Hanya seorang guru, iaitu 5% yang mengajar lebih daripada 10 rangkap setiap kali.

Jadual 4.4
Bilangan Chengyu Diajar Pada Sesuatu Masa Yang Dirancangkan

Bilangan Chengyu	Bilangan Guru	%
5 - 6 rangkap	13	59
7 - 8 rangkap	5	23
9 - 10 rangkap	3	13
melebihi 10 rangkap	1	5
Jumlah	22	100

Maklumat ini menunjukkan mengajar lima atau enam rangkap Chengyu pada sesuatu masa pengajaran ialah satu amalan yang dipraktikkan oleh kebanyakan guru.

4.1.5 Bilangan Chengyu diajar pada tahun 1998

Jadual 4.5 telah memaparkan bilangan Chengyu yang akan diajar oleh guru pada tahun 1998. Sejumlah 7 orang guru (32%) telah merancang mengajar 81 hingga 100 rangkap pada tahun ini. Peratus yang hampir sama ialah 27% guru yang akan mengajar bilangan Chengyu yang paling banyak, iaitu lebih daripada 120 rangkap. Lima orang guru (23%) ingin mengajar 61 hingga 80 rangkap Chengyu, manakala kumpulan guru yang ingin mengajar 101 hingga 120 rangkap terdiri daripada empat orang atau 18% guru (lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.5
Bilangan Chengyu Yang Dirancang Untuk Diajar Pada Tahun 1998

Bilangan Chengyu	Bilangan Guru	%
antara 61 - 80 rangkap	5	23
antara 81 - 100 rangkap	7	32
antara 101 - 120 rangkap	4	18
melebihi 120 rangkap	6	27
Jumlah	22	100

Analisis ini menunjukkan bahawa dalam rancangan kebanyakan guru, bilangan Chengyu yang akan diajar dalam tahun persekolahan adalah antara 81 hingga 100 rangkap. Ada sebilangan besar guru juga akan mengajar melebihi 120 rangkap.

4.1.6 Keadaan pengajaran Chengyu diadakan

Antara lapan orang guru yang tidak merancang pengajaran Chengyu tetapi mengajarnya mengikut keadaan, enam orang guru (75%) mengatakan bahawa mereka sentiasa mengajar sekiranya terdapat Chengyu pada petikan ataupun latihan dalam buku teks. Dua orang daripada mereka mengatakan bahawa mereka kadangkala berbuat demikian.

Jadual 4.6
Keadaan Pengajaran Chengyu Diadakan

Keadaan	Sentiasa	Kadangkala	Jumlah
sekiranya terdapat Chengyu pada petikan dalam buku teks	75% (6)	25% (2)	100% (8)
sekiranya terdapat Chengyu pada latihan dalam buku teks	75% (6)	25% (2)	100% (8)
sekiranya terdapat Chengyu pada latihan dalam buku kerja	50% (4)	50% (4)	100% (8)

Sebaliknya, sekiranya terdapat Chengyu pada latihan dalam buku kerja, separuh daripada mereka sentiasa mengajar Chengyu, manakala separuh yang lain mengatakan bahawa mereka kadangkala mengajar Chengyu tersebut.

Data dalam Jadual 4.6 telah menyatakan sebilangan kecil guru tetap mengajar Chengyu mengikut keadaan walaupun mereka tidak merancangkan pengajaran Chengyu terlebih dahulu.

4.1.7 Cara memperkenalkan Chengyu

Jadual 4.7 telah meringkaskan cara guru memperkenalkan sesuatu Chengyu. Untuk memudahkan analisis, respons guru seperti “sentiasa” dan “kadangkala” disusun semula sebagai “Sentiasa”, manakala “Jarang” dan “Tidak pernah” disusun sebagai “Jarang”.

Jadual 4.7
Cara Memperkenalkan Sesuatu Chengyu

Cara	Sentiasa	Jarang	Jumlah
menerangkan setiap perkataan pada Chengyu	90% (27)	10% (3)	100% (30)
bercerita	94% (28)	6% (2)	100% (30)
menerangkan makna Chengyu	100% (30)	0% (0)	100% (30)
memperkenalkan Chengyu yang hampir sama ertinya	84% (25)	16% (5)	100% (30)

Semua guru (100%) sentiasa memperkenalkan Chengyu dengan “menerangkan makna Chengyu”, dan cara lain yang sentiasa digunakan oleh 94% guru ialah “bercerita”. Hanya 6% guru yang mengatakan bahawa mereka jarang menggunakan cara ini.

“Menerangkan setiap perkataan pada Chengyu” juga merupakan satu cara yang sentiasa digunakan oleh guru, iaitu 27 orang atau 90% guru, berbanding dengan 10% yang jarang menggunakannya. Cara “memperkenalkan Chengyu lain yang hampir sama erti” telah digunakan oleh 25 orang guru (84%). Lima orang guru (16%) menyatakan mereka jarang menggunakan cara ini.

Daripada analisis di atas, didapati guru biasanya menggunakan keempat-empat cara yang disenaraikan dalam Jadual 4.7, tetapi lebih cenderung kepada cara terus menerangkan maksud sesuatu Chengyu. Dipercayai cara berkuliahan ini ialah cara yang dapat menjimatkan masa. Oleh itu ramai guru suka menggunakan cara ini.

4.1.8 Teknik pengajaran

Antara teknik-teknik pengajaran yang biasa digunakan oleh guru yang menjadi sampel kajian ini, nampaknya “chalk & talk” (100%), bersoal jawab (80%) dan perbincangan (73%) merupakan tiga teknik yang lazim digunakan oleh guru untuk mengajar Chengyu.

Jadual 4.8
Teknik Pengajaran Chengyu

Teknik	Sentiasa	Jarang	Jumlah
“Chalk & Talk”	100% (30)	0% (0)	100% (30)
Perbincangan	73% (22)	27% (8)	100% (30)
Bersoal jawab	80% (24)	20% (6)	100% (30)
Tunjuk cara	34% (10)	66% (20)	100% (30)
Lakonan	23% (7)	77% (23)	100% (30)
Sumbangsaran	47% (14)	53% (16)	100% (30)

Bilangan guru yang jarang menggunakan teknik menyoal ialah enam orang (20%), dan lapan orang guru (27%) mengaku bahawa mereka jarang menggunakan teknik perbincangan.

Jadual 4.8 juga telah merumuskan bahawa teknik yang kurang digunakan ialah sumbangsaran (47%), tunjuk cara (34%) dan lakonan (23%). Sebagai bandingan, bilangan guru yang jarang menggunakan ketiga-tiga teknik ini ialah 16 orang guru (53%) untuk sumbangsaran, 20 orang guru (66%) untuk tunjuk cara dan 23 orang guru (77%) untuk lakonan.

Data dalam Jadual 4.8 telah jelas menunjukkan bahawa semua guru meminati teknik “chalk & talk” atau secara berkuliahan. Kemungkinan besar guru lebih cenderung kepada teknik ini ialah untuk menjimatkan masa dan tenaga. Beban guru Bahasa Cina di SRJK (C) boleh dikatakan berat kerana biasanya mereka juga guru kelas. Disamping itu, aspek bahasa yang perlu diajar juga banyak.

4.1.9 Strategi pengajaran KBSR

Antara strategi-strategi pengajaran yang ditekankan dalam KBSR yang biasanya digunakan, “penyerapan” ialah strategi yang paling disukai ramai, iaitu hampir semua guru (97%) sentiasa menggunakannya. Hanya seorang guru (3%) yang jarang memilih strategi ini.

Bilangan guru yang sama, iaitu 28 orang guru (93%) sentiasa menggunakan “penggabungjalinan” dan “pengayaan” semasa mengajar Chengyu. Bilangan guru yang jarang menggunakan kedua-dua strategi ini ialah dua orang (7%) sahaja.

Jadual 4.9
Strategi Pengajaran KBSR Yang Digunakan Untuk Mengajar Chengyu

Strategi	Sentiasa	Jarang	Jumlah
Penggabungjalinan	93% (28)	7% (2)	100% (30)
Penyerapan	97% (29)	3% (1)	100% (30)
Pengayaan	93% (28)	7% (2)	100% (30)
Pemulihan	60% (18)	40% (12)	100% (30)

Berdasarkan Jadual 4.9, “pemulihan” sentiasa digunakan oleh 18 orang guru (60%), manakala 12 orang guru (40%) mengatakan bahawa mereka jarang mempraktikkan “pemulihan”.

Maklumat dari data terkandung dalam Jadual 4.9 telah memaparkan dengan jelasnya bahawa setelah 16 tahun KBSR dilaksanakan, guru-guru telah biasa dengan menggunakan strategi-strategi pengajaran KBSR seperti penggabungjalinan, penyerapan dan pengayaan. Namun begitu, pemulihan adalah jarang dipraktikkan oleh guru dalam pengajaran Chengyu.

4.1.10 Latihan Chengyu

Jadual 4.10 memaparkan jenis latihan yang diberikan oleh guru kepada murid dalam kelas. Memanglah jelas bahawa jenis latihan yang sentiasa diberikan ialah “mengisikan tempat kosong dengan Chengyu yang sesuai” (97%). Walaupun demikian, masih ada seorang guru (3%) yang jarang memilih jenis latihan ini.

Jenis latihan yang kerap diberi termasuk juga “memilih Chengyu yang sesuai dengan situasi yang diberi” (90%). Hanya tiga orang guru (19%) jarang memilih latihan ini.

“Membuat ayat dengan Chengyu” sentiasa diberikan oleh 87% guru. Ini bermakna 13% guru jarang memberikan jenis latihan ini kepada murid mereka. Jenis latihan yang sentiasa digunakan oleh 80% guru ialah “menulis maksud Chengyu”. Akan tetapi, 20% guru jarang memilih latihan ini.

Jadual 4.10
Latihan Yang Biasa Diberikan Kepada Murid
Selepas Pengajaran Chengyu

Latihan	Sentiasa	Jarang	Jumlah
mengisi tempat kosong	97% (29)	3% (1)	100% (30)
membuat ayat dengan Chengyu	87% (26)	13% (4)	100% (30)
menulis maksud Chengyu	80% (24)	20% (6)	100% (30)
memilih Chengyu yang sesuai dengan situasi	90% (27)	10% (3)	100% (30)
memilih Chengyu yang sama / lawan erti	3% (1)	0% (0)	3% (1)

Selain daripada jenis-jenis latihan tersebut di atas, seorang guru (3%) yang mengatakan bahawa beliau sentiasa menyuruh murid-murid “memilih Chengyu yang sama atau lawan erti”.

Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa “mengisi tempat kosong” dan “memilih jawapan yang betul” merupakan jenis-jenis latihan yang paling ditegaskan oleh para guru dalam pengajaran Chengyu.

4.1.11 Alat Bantu Mengajar (ABM)

Antara jenis-jenis ABM seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.11, “kad” adalah paling kerap digunakan oleh guru (87%). Bagaimanapun, masih ada 13% guru yang jarang menggunakannya. Sejumlah 50% guru sentiasa menggunakan gambar atau gambar rajah, namun begitu, terdapat juga bilangan yang sama yang jarang berbuat demikian.

Jadual 4.11
Alat Bantu Mengajar Yang Biasa Digunakan

ABM	Sentiasa	Jarang	Jumlah
gambar/gambar rajah	50% (15)	50% (15)	100% (30)
kad	87% (26)	13% (4)	100% (30)
benda maujud	16% (5)	84% (25)	100% (30)
alat rakaman audio	13% (4)	87% (26)	100% (30)
alat rakaman video	3% (1)	97% (29)	100% (30)
televisyen	3% (1)	97% (29)	100% (30)
Slaid	7% (2)	93% (28)	100% (30)
O.H.P.	13% (4)	87% (26)	100% (30)
komputer	23% (7)	77% (23)	100% (30)

Antara jenis-jenis ABM yang sentiasa digunakan oleh sebahagian kecil guru termasuk komputer (23%), benda maujud (16%), alat rakaman audio (13%), O.H.P. (13%), slaid (7%), alat rakaman video (3%) dan televisyen (3%). Guru-guru yang

mengaku bahawa mereka jarang menggunakan alat-alat tersebut adalah besar bilangannya, iaitu komputer (77%), benda maujud (84%), alat rakaman audio (87%), O.H.P. (87%), slaid (93%), alat rakaman video (97%) dan televisyen (97%).

Dapatan di atas memperlihatkan bahawa selain daripada kad dan gambar atau gambar rajah, guru jarang menggunakan ABM lain. Ini mungkin disebabkan mereka menganggap alat-alat ini canggih dan makan masa untuk menggunakannya. Walaupun demikian, data kajian ini telah juga menunjukkan bahawa komputer telah mula digunakan di sebilangan SRJK (C) di negeri Perak untuk mengajar Bahasa Cina.

4.1.12 Sumber ABM

Jadual 4.12 telah mengiktisarkan sumber ABM yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Chengyu. Seramai 22 orang guru (73%) mengaku bahawa ABM yang sentiasa digunakan dibekalkan oleh sekolah. Sebagai bandingan, hanya 8 orang guru (27%) membuat ABM sendiri.

Data yang dipersembahkan dalam Jadual 4.12 mungkin dapat menyokong dapatan yang terdahulu, iaitu kebanyakan guru tidak mampu meluangkan banyak masa untuk menghasilkan ABM, terutamanya ABM yang lebih canggih. Mereka sentiasa menggunakan ABM yang dibekalkan sekolah mungkin juga disebabkan mereka menghadapi masalah untuk menghasilkan ABM yang sesuai dan berkesan.

Jadual 4.12
Sumber Alat Bantu Mengajar Yang Digunakan Oleh Guru

Sumber	Bilangan Guru	%
dibuat sendiri	8	27
dibeli oleh sekolah	22	73
Jumlah	30	100

4.2 PANDANGAN GURU TERHADAP KEGUNAAN PENGAJARAN CHENGYU

Analisis data mengenai padangan guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dipersembahkan dalam bahagian ini. Data-data ini diperoleh daripada bahagian II dalam soal selidik.

4.2.1 Sebab-sebab Chengyu diajar

Untuk memudahkan analisis, respons guru seperti “amat bersetuju” dan “bersetuju” disusun semula sebagai “Bersetuju”, manakala “kurang bersetuju” dan “tidak bersetuju” disusun sebagai “Tidak Bersetuju”.

Jadual 4.13
Sebab-Sebab Mengajar Chengyu Dalam Kelas

Sebab-sebab	Bersetuju	Tidak Bersetuju	Jumlah
terdapat Chengyu dalam buku teks	100% (30)	0% (0)	100% (30)
mengikut arahan sekolah	74% (22)	26% (8)	100% (30)
Chengyu dianggap aspek yang penting	93% (28)	7% (2)	100% (30)
menyediakan murid menghadapi peperiksaan	100% (30)	0% (0)	100% (30)
mengikut cadangan Buku Panduan Untuk Guru	83% (25)	17% (5)	100% (30)

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13, Semua guru (100%) bersetuju bahawa mereka mengajar Chengyu atas dua sebab, iaitu “mengajar kerana terdapat Chengyu di dalam buku teks”, dan “mengajar untuk menyediakan murid-murid menghadapi peperiksaan”.

Sebahagian besar guru (93%) mendakwa mereka mengajar Chengyu kerana mereka “menganggap Chengyu satu aspek yang penting dalam pengajaran Bahasa Cina”, tetapi, dua orang guru (7%) tidak bersetuju dengan sebab ini.

“Mengajar Chengyu kerana mengikut cadangan Buku Panduan Untuk Guru” merupakan sebab yang dipegang oleh 25 orang guru (83%). Lima orang guru (17%) dalam kajian ini tidak bersetuju dalam perkara ini.

Hampir 74% guru amat bersetuju bahawa mereka mengajar Chengyu sebab mengikut arahan sekolah. Akan tetapi, 8 orang guru (26%) kurang bersetuju.

Daripada analisis di atas, dapat dirumuskan bahawa sebab utama guru mementingkan pengajaran Chengyu di sekolah ialah (i) adanya chengyu di dalam buku, dan (ii) penyediaan murid menghadapi peperiksaan.

4.2.2 Kegunaan pengajaran Chengyu

Pada keseluruhannya, semua guru (100%) bersetuju bahawa pengajaran Chengyu dalam kelas boleh:

1. menanam nilai murni,
2. mencerminkan pengalaman hidup,
3. memperbaik bahasa murid,
4. memperindah penulisan murid, dan
5. mempertingkatkan pengetahuan kesusastraan murid.

Walau bagaimanapun, bukan semua guru yang bersetuju dengan pandangan bahawa pengajaran Chengyu dapat mendalami pengetahuan sejarah murid, kerana terdapat seorang guru (3%) tidak bersetuju dengan pandangan ini (lihat Jadual 4.14).

Jadual 4.14
Pandangan Guru Terhadap Kegunaan Pengajaran Chengyu Dalam Kelas

Kegunaan	Bersetuju	Tidak Bersetuju	Jumlah
menanam nilai murni	100% (30)	0% (0)	100% (30)
mencerminkan pengalaman hidup	100% (30)	0% (0)	100% (30)
memperbaik bahasa murid	100% (30)	0% (0)	100% (30)
memperindah penulisan murid	100% (30)	0% (0)	100% (30)
mempertingkatkan pengetahuan kesusastraan murid	100% (30)	0% (0)	100% (30)
mendalami pengetahuan sejarah murid	97% (29)	3% (1)	100% (30)

Maklumat yang diperoleh daripada Jadual 4.14 telah menunjukkan bahawa guru sedar akan kegunaan pengajaran dan pembelajaran Chengyu di SRJK (C). Akan tetapi, analisis data pada Jadual 4.13 telah menunjukkan keadaan di mana semua guru mengajar Chengyu adalah kerana terdapat Chengyu dalam buku dan kerana perlu menyediakan murid menghadapi peperiksaan awam. Ini telah memperlihatkan satu kontradiksi, iaitu walaupun semua guru mengakui kegunaan pengajaran Chengyu di sekolah, tetapi mereka mengajar Chengyu bukan semata-mata kerana Chengyu dianggap aspek yang penting.

4.2.3 Kriteria memilih Chengyu

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15, peratus guru yang sama (97%) bersetuju bahawa kriteria yang dipegang mereka untuk memilih Chengyu sebagai bahan pengajaran adalah dengan memilih Chengyu yang “mengandungi unsur nilai” dan yang “mencerminkan pengalaman hidup”. Dalam hal ini, mereka yang tidak bersetuju hanya seorang (3%).

Peratus guru yang sama, iaitu 83% guru bersetuju bahawa mereka memilih Chengyu yang “mudah difahami” dan yang “mengandungi unsur sastera”. Bilangan guru yang tidak bersetuju terhadap kedua-dua kriteria tersebut ialah lima orang (17%) sahaja.

Peratus yang lebih rendah sedikit ialah 80% guru yang bersetuju bahawa mereka suka memilih “Chengyu yang berasal daripada dongeng ibarat yang menarik”. Walaupun demikian, enam orang guru (20%) tidak bersetuju dengan kriteria ini.

Jumlah guru yang bersetuju bahawa mereka sentiasa memilih “Chengyu yang mengandungi unsur sejarah” untuk diajar kepada murid-murid Tahun 6 ialah 23 orang guru (77%). Sebagai bandingan, tujuh orang guru (23%) tidak bersetuju kepada kriteria pemilihan ini.

Jadual 4.15
Kriteria Untuk Memilih Chengyu Sebagai Bahan Pengajaran

Kriteria	Amat Bersetuju	Kurang Bersetuju	Jumlah
mudah difahami	83% (25)	17% (5)	100% (30)
berasal dpd dongeng ibarat yang menarik	80% (24)	20% (6)	100% (30)
mengandungi unsur nilai	97% (29)	3% (1)	100% (30)
mengandungi unsur sejarah	77% (23)	23% (7)	100% (30)
mengandungi unsur sastera	83% (25)	17% (5)	100% (30)
mencerminkan pengalaman hidup	97% (29)	3% (1)	100% (30)

Dapatan di atas mencadangkan bahawa guru-guru memberi penegasan kepada memilih Chengyu yang mengandungi unsur nilai dan yang dapat mencerminkan pengalaman hidup untuk diajar kepada murid-murid mereka.

4.2.4 Pengajaran Chengyu di luar bilik darjah

Sebahagian besar guru (60%) mengaku bahawa mereka tidak menjalankan pengajaran Chengyu di luar bilik darjah (lihat Jadual 4.16). Hanya 40% guru mendakwa selain daripada pengajaran Chengyu di dalam kelas, mereka juga menjalankan pengajaran di luar bilik darjah.

Jadual 4.16
Pengajaran Chengyu Di Luar Bilik Darjah

Pengajaran Chengyu Di Luar Bilik Darjah	Bilangan Guru	%
ada	12	40
tiada	18	60
Jumlah	30	100

Menurut respons guru yang mengajar Chengyu di luar bilik darjah, lapan orang guru berbuat demikian semasa menjalani aktiviti kokurikulum, biasanya dalam aktiviti Persatuan Bahasa Cina. Dua orang guru mengajar Chengyu dalam kelas pemulihan Bahasa Cina, seorang menjalankannya semasa berbual dengan murid-murid, dan seorang lagi mengajar perkara tersebut dalam perhimpunan pagi.

4.2.5 Sumber lain dari mana Chengyu dipilih

Selain daripada buku teks yang digunakan, buku-buku disenaraikan dalam Jadual 4.17 merupakan sumber-sumber lain dari mana Chengyu dipilih untuk pengajaran.

Jadual 4.17
Sumber-Sumber Lain Chengyu Dipilih Untuk Pengajaran

Sumber lain	Sentiasa	Jarang	Jumlah
kamus Chengyu	70% (21)	30% (9)	100% (30)
buku kerja Chengyu	100% (30)	0% (0)	100% (30)
buku kerja Bahasa Cina	100% (30)	0% (0)	100% (30)
buku rujukan UPSR	100% (30)	0% (0)	100% (30)
buku kerja UPSR	100% (30)	0% (0)	100% (30)

Semua guru (100%) mengatakan bahawa mereka sentiasa memilih Chengyu daripada sumber-sumber yang berikut:

1. Buku kerja Chengyu,
2. Buku kerja Bahasa Cina,
3. Buku rujukan UPSR, dan
4. Buku kerja UPSR.

Sebagai satu lagi sumber rujukan, “Kamus Chengyu” sentiasa dirujuk oleh 70% guru sahaja. Ini bermakna, 30% guru jarang menggunakan sebagai sumber rujukan.

Nampaknya guru lebih suka menggunakan bahan yang sedia ada sebagai sumber rujukan, terutamanya buku kerja UPSR dan buku rujukan UPSR. Ini kerana Chengyu yang sesuai untuk Tahun 6 telah dipilih dan disenaraikan di dalamnya.

4.3 MASALAH GURU SEMASA MENGAJAR CHENGYU

Bahagian ini akan mengkaji masalah yang sering dihadapi oleh guru Bahasa Cina Tahun 6 semasa mereka menjalankan pengajaran Chengyu di dalam kelas. Data diperoleh daripada Bahagian III dalam soal selidik.

4.3.1 Masalah kekurangan ABM

Jadual 4.18 menjelaskan sejumlah 27 orang guru (90%) sentiasa menghadapi masalah kekurangan ABM dalam pengajaran Chengyu, manakala hanya sebilangan kecil, iaitu 3 orang guru (10%) yang jarang menghadapi masalah ini.

Jadual 4.18
Masalah Kekurangan Alat Bantu Mengajar Yang Dihadapi Guru

Masalah kekurangan ABM	Bilangan Guru	%
Sentiasa menghadapi masalah	27	90
Jarang menghadapi masalah	3	10
Jumlah	30	100

Analisis data di atas menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan guru menggunakan ABM yang dibekalkan oleh sekolah, kekurangan ABM masih menjadi masalah yang sering dihadapi oleh ramai guru. Ini bermakna setakat membekalkan ABM tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah kekurangan ABM dalam pengajaran Chengyu. ABM yang diperlukan sepatutnya beraneka ragam untuk menyesuaikan pengajaran Chengyu dalam situasi yang berlainan. Guru seharusnya

cuba menghasilkan ABM yang sesuai digunakan untuk mengajar jenis Chengyu yang berbeza-beza.

4.3.2 Peruntukan masa

Untuk memudahkan analisis, respons seperti “amat mencukupi” dan “mencukupi” disusun semula sebagai “**Mencukupi**”, manakala respons seperti “kurang mencukupi” dan “tidak mencukupi” disusun sebagai “**Tidak Mencukupi**”.

Jadual 4.19 memperlihatkan 57% guru menyatakan bahawa peruntukan masa untuk pengajaran Chengyu tidak mencukupi. Namun begitu, 13 orang guru (43%) pula mengatakan peruntukan masa adalah mencukupi.

Jadual 4.19
Peruntukan Masa Untuk Pengajaran Chengyu

Peruntukan masa	Bilangan Guru	%
mencukupi	13	43
tidak mencukupi	17	57
Jumlah	30	100

Dapatan di atas memperlihatkan masalah kekurangan masa untuk menjalankan pengajaran Chengyu wujud di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di negeri Perak.

4.3.3 Kuantiti latihan Chengyu dalam buku teks

Jadual 4.20 memaparkan respons guru mengenai kuantiti latihan Chengyu di dalam buku teks. Daripada 30 orang guru, 93% mengatakan latihan dalam buku teks tidak mencukupi, manakala hanya dua orang guru (7%) yang mendakwa latihannya mencukupi.

Jadual 4.20
Kuantiti Latihan Chengyu Dalam Buku Teks Bahasa Cina

Latihan Chengyu Dalam Buku Teks	Bilangan Guru	%
mencukupi	2	7
tidak mencukupi	28	93
Jumlah	30	100

Berdasarkan dapatan di atas, jelaslah bahawa latihan Chengyu di dalam buku teks yang tidak mencukupi merupakan satu lagi masalah yang perlu diselesaikan oleh guru Bahasa Cina yang mengajar kelas Tahun 6.

4.3.4 Kuantiti latihan Chengyu dalam buku kerja

Sebanyak 60% guru berpendapat bahawa latihan Chengyu dalam buku kerja Bahasa Cina yang digunakan dalam kelas tidak mencukupi. Bilangan guru yang mengatakan latihan mencukupi ialah 12 orang atau 40%.

Jadual 4.21
Kuantiti Latihan Chengyu Dalam Buku Kerja Bahasa Cina

Kuantiti Latihan Buku Kerja	Bilangan Guru	%
mencukupi	11	37
tidak mencukupi	7	23
Jumlah	30	100

Data dari Jadual 4.21 telah menunjukkan bahawa selain daripada masalah kekurangan latihan Chengyu dalam buku teks, masalah yang sama juga wujud dalam buku kerja.

4.3.5 Pembinaan latihan Chengyu

Jadual 4.22 jelas menunjukkan bahawa 63% guru sentiasa menghadapi masalah membina latihan Chengyu untuk murid, manakala hanya 37% guru jarang menghadapi masalah ini.

Jadual 4.22
Masalah Pembinaan Latihan Chengyu

Masalah Pembinaan Latihan Chengyu	Bilangan Guru	%
sentiasa dihadapi	19	63
jarang dihadapi	11	37
Jumlah	30	100

Dapatan di atas mencadangkan bahawa kebanyakan guru menghadapi masalah dalam menyediakan latihan untuk menguji tahap penguasaan Chengyu di kalangan murid setelah bahan-bahan berkenaan diajarkan.

4.3.6 Masalah-masalah lain yang dihadapi guru

Guru Tahun 6 dalam menjawab soalan terbuka telah membekalkan data mengenai masalah-masalah lain yang dihadapi mereka dalam pengajaran Chengyu. Masalah-masalah ini boleh dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Ada Chengyu yang maksudnya agak abstrak, akibatnya Chengyu yang seumpama ini susah diterangkan berdasarkan perkataan-perkataan yang membentukkan Chengyu;
- ii. Sikap belajar murid adalah kurang positif;
- iii. Kekurangan bahan pengajaran dan alat bantuan mengajar;
- iv. Kekurangan bahan rujukan;
- v. Kekurangan masa, oleh itu perlu mengajar banyak Chengyu dalam masa yang terhad supaya menyediakan murid untuk menghadapi UPSR;
- vi. Ada Chengyu yang susah digunakan untuk membuat ayat;
- vii. Ada Chengyu yang dibentuk dengan perkataan yang agak susah, akibatnya susah difahami, diingat dan digunakan oleh murid;
- viii. Ada Chengyu yang susah diketahui asal usulnya;
- ix. Taraf penguasaan bahasa murid adalah lemah;
- x. Tidak diberikan senarai Chengyu yang perlu diajar dalam Tahun 6, akibatnya bilangan Chengyu yang diajar tidak mantap;
- xi. Ada Chengyu yang tiada perkaitan dengan kehidupan harian masa kini;
- xii. Guru tidak didedahkan dengan kaedah pengajaran Chengyu yang berkesan; dan
- xiii. Chengyu-Chengyu yang maksudnya hampir sama kadang-kadang sangat mengelirukan.

4.4 MINAT MURID TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN CHENGYU

Bahagian terakhir soal seidik mengkaji sejauh manakah minat murid-murid terhadap pembelajaran Chengyu dari pandangan guru. Data diperoleh daripada satu soalan berstruktur dan dua soalan terbuka. Data juga diperoleh daripada temu bual dengan murid, iaitu mengkaji minat murid dari pandangan murid sendiri.

4.4.1 Minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu - pandangan guru

Untuk memudahkan analisis, respons seperti “amat berminat” dan “berminat” disusun semula sebagai “Berminat”, manakala respons seperti “kurang berminat” dan “tidak berminat” disusun sebagai “Tidak Berminat”.

Menurut pandangan sebahagian besar guru (83%), murid Tahun 6 berminat terhadap pembelajaran Chengyu. Sebaliknya, 17% guru berpendapat bahawa murid mereka tidak berminat untuk mempelajari Chengyu.

Jadual 4.23
Pandangan Guru Terhadap Minat Murid mempelajari Chengyu

Minat murid	Bilangan Guru	%
berminat	25	83
tidak berminat	5	17
Jumlah	30	100

Daripada dapatan yang diperoleh daripada Jadual 4.23, boleh dirumuskan bahawa dari pandangan guru, kebanyakan murid berminat terhadap pemelajaran Chengyu.

4.4.2 Sebab murid berminat terhadap Chengyu

Daripada respons yang diberikan oleh guru, sebab murid Tahun 6 berminat mempelajari Chengyu dalam kelas adalah seperti berikut:

- i. Kebanyakan Chengyu berasal daripada dongeng ibarat yang menarik;
- ii. Chengyu mudah difahami;
- iii. Chengyu mencerminkan pengalaman hidup;
- iv. Pengajaran Chengyu dapat memperbaik bahasa murid;
- v. Chengyu mempunyai unsur nilai;
- vi. Pengajaran Chengyu dapat memperindah penulisan murid;
- vii. Kaedah pengajaran guru adalah sesuai;
- viii. Pengajaran Chengyu dapat menambah ilmu pengetahuan murid-murid;
- ix. Murid mempelajari Chengyu sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan;
- x. Murid mempelajari Chengyu untuk menambah pengetahuan sejarah; dan
- xi. Chengyu dapat menggambarkan sesuatu.

4.4.3 Sebab murid tidak berminat terhadap Chengyu

Pandangan guru terhadap sebab murid Tahun 6 tidak berminat mempelajari Chengyu boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Taraf penguasaan bahasa murid adalah lemah;
- ii. Sikap belajar murid yang negatif;
- iii. Pengetahuan murid yang terhad terhadap sejarah negara China;
- iv. Murid mempelajari Chengyu semata-mata untuk peperiksaan; dan
- v. Murid tidak dapat menggunakan Chengyu kerana susah untuk mengingat maksud Chengyu yang pernah dipelajari.

4.4.4 Konsep Chengyu

Melalui temu bual dengan murid, data dalam Jadual 4.24 diperoleh. Sebilangan besar murid hanya dapat mendefinisikan Chengyu sebagai “Chengyu dibentuk dengan empat patah perkataan”. Selain itu, enam orang murid (28%) pula tidak dapat mengatakan apa-apa semasa diminta memberikan definisi Chengyu.

Peratus yang lebih rendah ialah empat orang murid (19%) yang hanya dapat memberikan definisi sebagai “Chengyu dapat mengibaratkan sesuatu”. Seorang lagi murid (5%) mengatakan “Chengyu ialah ungkapan yang deskriptif”, manakala seorang yang lain (5%) pula memberikan definisi yang tidak boleh diterima, iaitu Chengyu ialah “apa yang dibuat oleh orang dahulu kala”.

Daripada definisi yang diberikan oleh murid-murid, jelasnya apa yang difaham mereka tentang Chengyu hanya konsep yang agak kabur.

Jadual 4.24
Konsep Chengyu Di Kalangan Murid

Definisi	Bilangan Murid	%
tidak diberikan	6	28
Chengyu dibentuk dengan 4 patah perkataan	9	43
Chengyu mengibaratkan sesuatu	4	19
Chengyu ialah ungkapan yang deskriptif	1	5
definisi salah - “apa yang dibuat oleh orang dahulu kala”	1	5
Jumlah	21	100

4.4.5 Kesesuaian Kekerapan Pengajaran Chengyu - padangan murid

Sebanyak 47% murid yang ditemui bual mengatakan bahawa mereka mengharapkan Chengyu diajar tiap-tiap hari. Lima orang murid (24%) pula ingin mempelajari Chengyu sekali setiap minggu. Selain itu, tiga orang murid (14%) mengharapkan Chengyu diajar dua kali seminggu, manakala dua orang yang lain (10%) berharap mereka dapat mempelajarinya sekali setiap dua hari. Data juga menunjukkan seorang murid (5%) Tahun 6 berpendapat bahawa lebih baik Chengyu diajar tiga kali setiap minggu.

Jadual 4.25
Pandangan Murid Terhadap Kesesuaian Kekerapan
Pengajaran Chengyu Dalam Kelas

Kekerapan	Bilangan Murid	%
sekali setiap hari	10	47
sekali setiap minggu	5	24
sekali setiap dua hari	2	10
dua kali setiap minggu	3	14
tiga kali setiap minggu	1	5
Jumlah	21	100

Dapatan daripada Jadual 4.25 telah mencadangkan bahawa murid Tahun 6 amatlah berminat terhadap pembelajaran Chengyu di sekolah kerana mereka menyatakan mereka ingin belajar Chengyu, dan kebanyakan mereka berharap supaya Chengyu diajar pada setiap hari pula.

4.4.5 Bilangan Chengyu yang sesuai diajar pada sesuatu masa -- pandangan murid

Jadual 4.26 memaparkan bilangan Chengyu yang ingin dipelajari oleh murid Tahun 6 dalam sesuatu masa pengajaran Chengyu.

Jadual 4.26
Pandangan Murid Terhadap Bilangan Chengyu Yang
Sesuai Diajar Pada Sesuatu Masa

Bilangan Chengyu	Bilangan Murid	%
antara 3 - 4	1	5
antara 5 - 6	7	33
antara 7 - 8	2	10
antara 9 - 10	10	47
melebihi 10	1	5
Jumlah	21	100

Sejumlah 47% murid berharap dapat mempelajari sembilan atau 10 rangkap Chengyu setiap kali pengajaran Chengyu diadakan. Peratus yang rendah sedikit ialah 33% murid yang mengatakan bahawa mereka ingin mempelajari lima atau enam rangkap pada sesuatu masa pengajaran. Ini diikuti oleh dua orang murid (10%) yang mengharapkan tujuh atau lapan rangkap Chengyu diajar oleh guru mereka. Seoran murid lagi (5%) ingin mempelajari tiga atau empat rangkap Chengyu, manakala seoran yang lain menyatakan bilangan Chengyu yang diajar oleh guru sebaik-baiknya melebil 10 rangkap pada sesuatu masa.

Dapatan daripada Jadual 4.26 sekali lagi menunjukkan bahawa murid adalah amat berminat terhadap pembelajaran Chengyu. Sungguhpun bilangan Chengyu yang ingin dipelajari berbeza-beza, tetapi mereka tetap menunjukkan hasrat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu.

4.4.6 Bilangan buku Chengyu dibaca

Hampir 43% murid pernah membaca satu hingga empat buah buku Chengyu. Ini diikuti dengan 18% murid yang pernah membaca buku Chengyu dalam lingkungan lima hingga lapan buah. Sebanyak 14% murid mengatakan bahawa mereka pernah membaca sembilan hingga 12 buah buku, 10% mengatakan bahawa mereka telah membaca 13 hingga 16 buah, manakala 10% murid yang lain pula mengaku tidak pernah membaca buku Chengyu.

Jadual 4.27
Bilangan Buku Chengyu Yang Pernah Dibaca Oleh Murid

Bilangan Buku	Bilangan Murid	%
tidak pernah membaca	2	10
antara 1 - 4	9	43
antara 5 - 8	4	18
antara 9 - 12	3	14
antara 13 - 16	2	10
melebihi 16	1	5
Jumlah	21	100

Antara murid yang ditemu bual, hanya seorang sahaja yang telah membaca lebih daripada 16 buah buku Chengyu.

Dapatan di atas telah jelas menunjukkan bahawa bilangan buku Chengyu yang dibaca oleh kebanyakan murid Tahun 6 adalah antara satu hingga empat buah. Ini telah menunjukkan minat murid Tahun 6 mempunyai minat terhadap pembelajaran Chengyu.

4.4.7 Cara mempelajari Chengyu di rumah

Apabila ditanya bagaimana caranya mempelajari Chengyu sendiri di rumah, 56% murid mengatakan bahawa mereka “membaca buku Chengyu”, dan 14% murid mendakwa bahawa mereka selalu merujuk buku rujukan untuk mempelajari Chengyu sendiri. Dua orang murid (10%) mengatakan bahawa mereka membaca buku Chengyu dan juga merujuk kamus Chengyu.

Jadual 4.28
Cara Murid Mempelajari Chengyu sendiri Di Rumah

Cara Mempelajari Chengyu	Bilangan Murid	%
Tidak pernah membaca	2	10
membaca buku Chengyu	12	56
merujuk kamus Chengyu	1	5
membaca buku Chengyu & merujuk kamus Chengyu	2	10
merujuk buku rujukan	3	14
dibantu oleh kakak	1	5
Jumlah	21	100

Akan tetapi, dua orang murid (10%) mengaku mereka tidak mempelajari Chengyu dengan sendirinya di rumah. Seorang murid (5%) menyatakan bahawa biasanya dia merujuk kamus Chengyu, manakala seorang lagi dibantu oleh kakaknya.

4.4.8 Pentingnya pengajaran Chengyu di sekolah -- pandangan murid

Apabila ditanya tentang pentingnya pengajaran Chengyu di sekolah, kebanyakan murid telah menyuarakan pandangan mereka. Pandangan-pandangan mereka itu boleh dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Dapat menggunakan Chengyu dalam karangan;
- ii. Menambah pengetahuan tentang Chengyu, satu aspek bahasa yang penting dalam Bahasa Cina;
- iii. Dapat mengetahui pengalaman hidup orang-orang dahulu kala;
- iv. Dapat menggunakan Chengyu dalam kehidupan harian, iaitu dalam percakapan dan penulisan;
- v. Dapat menikmati cerita-cerita Chengyu yang menarik; dan
- vi. Dapat mempelajari lebih banyak Chengyu.

Akan tetapi, dua orang murid tidak dapat mengatakan apa-apa ketika soalan tersebut dikemukakan kepada mereka.

Dapatan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan murid sedar akan pentingnya pengajaran Chengyu di sekolah. Kesedaran seumpama ini mungkin merupakan salah satu daya tarikan yang menyebabkan murid berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu di sekolah.

4.4.9 Kegunaan Pengajaran Chengyu -- pandangan murid

Ketika soalan tentang kegunaan pengajaran Chengyu dikemukakan, tujuh orang murid (33%) mengatakan bahawa pengajaran Chengyu berguna kerana “dapat menanam nilai murni”. Bilangan yang sama juga berpendapat bahawa tujuan mempelajari Chengyu di sekolah adalah untuk mendalami pengetahuan sejarah.

Jadual 2.29
Pandangan Murid Terhadap Kegunaan Pengajaran Chengyu Di Sekolah

Kegunaan	Bilangan Murid	%
mananam nilai murni	7	33
memperbaik bahasa	2	10
memperindah penulisan	3	14
mempertingkatkan pengetahuan kesusasteraan	2	10
mendalami pengetahuan sejarah	7	33
Jumlah	21	100

Hampir 14% murid berpendapat bahawa pengajaran Chengyu “dapat memperindah penulisan” murid, 10% murid pula berpendapat bahawa pengajaran Chengyu “boleh memperbaik bahasa” mereka, manakala 10% yang lain mendakwa “dapat mempertingkatkan pengetahuan kesusasteraan” mereka.

Pada keseluruhannya, murid-murid sedar akan kegunaan pengajaran Chengyu dan mereka berminat untuk mempelajarinya.